



SIARAN AKHBAR

AMBD CARE PACKAGE UNTUK LAPAN BUAH SEKOLAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM Selasa, 11 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 5 Mei 2020

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), sebagai salah satu daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya, telah menyerahkan AMBD Care Package kepada beberapa buah sekolah di Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.
2. AMBD Care Package, yang mengandungi mesin pencetak (printer), dakwat kartrij serta kertas bagi percetakan, adalah hasil daripada sumbangan pegawai dan kakitangan AMBD, yang sama-sama ingin menyokong usaha Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah dalam memastikan kesinambungan pembelajaran di Negara Brunei Darussalam di waktu yang tidak menentu disebabkan oleh penularan wabak COVID19 ini dengan menggunakan kaedah *e-learning* dan *home-pack learning* (HPL).
3. Sebanyak 16 pakej telah disumbangkan kepada 8 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh negara termasuk Sekolah Rendah Haji Mohd Jaafar Maun, Sekolah Menengah Lambak Kiri, Sekolah Rendah Batang Mitus, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Sekolah Rendah Kuala Belait, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah, Sekolah Rendah Semabat dan Sekolah Rendah Labu Estate pada hari Isnin, 10 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 4 Mei 2020 dan hari Selasa, 11 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 5 Mei 2020.
4. Sumbangan-sumbangan tersebut telah diserahkan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan AMBD, Yang Mulia Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori dan Penyeliaan), Yang Mulia Dayang Hajah Noorrafidah binti Haji Sulaiman, Timbalan Pengarah Urusan (Operasi Monetari/ Perkembangan dan Antarabangsa), Yang Mulia Awang Mardini bin Haji Eddie, Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Operasi Monetari), dan Yang Mulia Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat), selaku wakil pegawai dan kakitangan AMBD.
5. AMBD percaya bahawa pendidikan adalah tunjang kepada pembangunan sumber manusia, yang mana adalah merupakan salah satu daripada pillar Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint (2016 – 2025). Sebelum ini, AMBD telah bekerjasama dengan sekolah-sekolah dalam mengukuhkan lagi celik dan pendidikan kewangan di Negara Brunei Darussalam melalui inisiatif-inisiatif seperti jerayawara ke sekolah-sekolah, dan *Financial Fun Fair*. AMBD akan terus bekerjasama dalam menyokong pendidikan di Negara Brunei Darussalam, terutamanya di waktu yang tidak menentu ini.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Ref: AMBD/COMMS/3

Date: 11 Ramadhan 1441 / 5 Mei 2020